

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 31 Mei 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN
SUKU TAHUN KEDUA 2021

Persepsi yang lebih cerah terhadap keadaan perniagaan masa hadapan namun terkesan dengan penutupan penuh

PUTRAJAYA, 31 MEI 2021 – STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN BAGI SUKU TAHUN KEDUA 2021 yang diterbitkan pada hari ini, memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Peniaga lebih yakin pada suku tahun kedua 2021, dengan petunjuk keyakinan yang lebih baik iaitu -3.1 peratus berbanding -11.3 peratus yang dicatatkan pada suku tahun lalu, berdasarkan Statistik Kecenderungan Perniagaan Suku Kedua 2021. Dapatan statistik ini diperoleh berdasarkan hasil tinjauan yang telah dijalankan pada 10 Mac 2021 sehingga 26 April 2021 sebelum peningkatan kes COVID-19 yang membimbangkan di seluruh negara. Persepsi peniaga pada ketika itu tidak mengambil kira pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang diperluaskan ke seluruh negara berkuatkuasa pada 12 Mei 2021 dan juga penutupan penuh pada 1 Jun 2021. Oleh itu, jangkaan peniaga didorong terutamanya oleh situasi kes COVID-19 yang semakin perlahan pada ketika itu sejajar dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan inisiatif yang dilaksanakan untuk merancakkan kembali ekonomi.”

“Kesemua sektor meramalkan situasi perniagaan yang lebih cerah pada suku tahun kedua 2021 sekiranya keadaan ekonomi yang terkawal. Antaranya, sektor Perdagangan Borong & Runcit melonjak ke wilayah positif untuk pertama kalinya sejak suku ketiga 2019 dengan +5.6 peratus pada suku kedua 2021 berbanding -11.8 peratus pada suku pertama 2021. Petunjuk keyakinan bagi sektor Industri dan Perkhidmatan mencatat negatif yang lebih baik masing-masing dengan -1.5 peratus dan -6.1 peratus berbanding -4.4 peratus dan -15.0 peratus pada suku tahun terdahulu. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan kekal sebagai sektor yang paling pesimis pada suku tahun rujukan dengan perspektif yang lebih baik iaitu -30.5 peratus berbanding -51.2 peratus pada suku tahun sebelumnya,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Dari segi hasil kasar, sejumlah 35.2 peratus meramalkan hasil kasar mereka akan meningkat pada suku tahun kedua 2021, manakala 23.1 peratus responden meramalkan penurunan yang mendorongimbangan bersih +12.1 peratus. Pada masa yang sama, 41.7 peratus responden menjangkakan hasil kasar mereka kekal sama. Merujuk kepada bilangan pekerja, majoriti pertubuhan (72.0 peratus) menjangkakan untuk mengekalkan pekerja mereka pada suku tahun kedua 2021. Hanya 14.3 peratus pertubuhan menjangkakan pertambahan bilangan pekerja mereka, manakala 13.7 peratus meramalkan pengurangan bilangan tenaga kerja seterusnya mendorong kepadaimbangan bersih +0.6 peratus pada suku tahun rujukan.

Secara keseluruhan, persepsi perniagaan bagi April sehingga September 2021 melonjak kepada trajektori positif denganimbangan bersih +11.0 peratus berbanding -4.6 peratus yang direkodkan sebelumnya. Imbanganybersih bagi semua sektor kembali pulih yang mana sektor Industri dan Perdagangan Borong & Runcit merupakan sektor yang paling optimistik denganimbangan bersih +12.5 peratus direkodkan bagi kedua-dua sektor berkenaan bagi tempoh enam bulan yang akan datang. Sektor Perdagangan Borong & Runcit meramalkan penambahbaikan yang ketara, naik ke wilayah positif denganimbangan bersih +12.5 peratus berbanding -7.7 peratus yang direkodkan pada separuh tahun pertama 2021. Ini didorong terutamanya oleh peningkatan prospek kedua-dua subsektor iaitu Perdagangan

Borong dan Perdagangan Runcit. Pada masa yang sama, sektor Perkhidmatan menunjukkan arah yang sama dengan imbangan bersih +8.4 peratus berbanding -11.7 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun 2021. Peningkatan ini antaranya disumbangkan oleh subsektor Penginapan, Pengangkutan dan Penyimpanan, Komunikasi, Pendidikan dan Perkhidmatan Lain. Sektor Pembinaan juga meramalkan sentimen positif dalam enam bulan mendatang dengan imbangan bersih +6.1 peratus berbanding -34.6 peratus yang direkodkan sebelum ini.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

31 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, May 31st 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR BUSINESS TENDENCY STATISTICS
SECOND QUARTER 2021**

Brighter perception towards future business situation however weigh down by total lockdown

PUTRAJAYA, MAY 31, 2021 – BUSINESS TENDENCY STATISTICS FOR SECOND QUARTER 2021 released today, presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics is based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Businesses are more confident in the second quarter of 2021, with a better overall confidence indicator of -3.1 per cent as against -11.3 per cent recorded in the last quarter, according to Business Tendency Statistics Second Quarter 2021. The findings are obtained based on the results of survey conducted on 10 March 2021 to 26 April 2021 prior to the alarming rise of COVID-19 cases nationwide. The businesses' perceptions do not consider the implementation of Movement Control Order (MCO) 3.0 which was expanded to the whole country effective 12 May 2021 and also full lockdown on 1 June 2021. Therefore, the business expectations are mainly driven by the situation of COVID-19 cases which slowed down at that particular time along with the National COVID-19 Immunisation Programme and the initiatives undertaken to revive the economy.”

"All sectors foresee brighter business situation for the second quarter 2021 if the economic wellbeing is under control. Among them, the Wholesale & Retail Trade sector soared to a positive territory for the first time since third quarter of 2019 with +5.6 per cent in the second quarter of 2021 as compared to -11.8 per cent in the first quarter of 2021. The confidence indicator for Industry and Services sectors posted better negative with -1.5 per cent and -6.1 per cent respectively compared to -4.4 per cent and -15.0 per cent in the preceding quarter. At the same time, the Construction sector remains as the most pessimistic sector during the reference quarter with better perspective of -30.5 per cent as against -51.2 per cent in the previous quarter," he said in a statement today.

In terms of gross revenue, a total of 35.2 per cent of respondents anticipate their gross revenue to grow in the second quarter of 2021, while 23.1 per cent of the respondents foresee a decrease which led to a net balance of +12.1 per cent. Concurrently, 41.7 per cent of respondents expect their gross revenue to stagnate. With regard to number of employees, majority of the establishments (72.0 per cent) predict to maintain their employees at the current state for the second quarter of 2021. Only 14.3 per cent of establishments expect to upsize their workforce, whilst 13.7 per cent foresee to downsize their manpower which further leads to a net balance of +0.6 per cent for the reference quarter.

In overall, business perception for April till September 2021 surged to positive trajectory with a net balance of +11.0 per cent as against -4.6 per cent recorded previously. All sectors registered turnaround in their net balance where Industry and Wholesale & Retail Trade become the most optimistic sectors with net balance of +12.5 per cent recorded each in the forthcoming six months. Wholesale & Retail Trade sector expects significant improvement, climb to positive territory with a net balance of +12.5 per cent as compared to -7.7 per cent recorded for the first half of 2021. This is mainly driven by the uplifted outlook in both subsectors namely Wholesale Trade and Retail Trade. Concomitantly, Services sector shows the same direction with a net balance of +8.4 per cent compared to -11.7 per cent for the period of January till June 2021. The increase of Services sector's net balance is partly supported by Accommodation, Transportation and Storage, Communications,

Education and Other Services subsectors. The Construction sector also foresees positive sentiment in the six months ahead with a net balance of +6.1 per cent as against -34.6 per cent recorded previously.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

31 MAY 2021